

Sikap Bangsa Yahudi dalam Al-Qur'an

WAHAB MD. SALLEH

ABSTRAK

Yahudi adalah bangsa yang tertua dan mempunyai sejarah yang lama. Mereka berketurunan Nabi Allah Ya'qub Bin Ishak Bin Ibrahim a.s. Dalam al-Quran mereka disebut juga Bani Isra'il. Bangsa Yahudi atau Bani Isra'il memiliki sifat bakhil, tamak dan dengki sehingga mereka dikenali dengan sifat-sifat itu. Walaupun bangsa-bangsa lain juga berkongsi memiliki sebahagian sifat-sifat ini, tetapi bagi bangsa Yahudi sifat-sifat ini adalah darah daging mereka disebabkan ajaran agama. Al-Qur'an telah mendedahkan sifat-sifat dan sikap Yahudi di dalam berbagai surah untuk dijadikan pengajaran oleh umat Islam, dan supaya umat ini tidak termasuk ke dalam perangkap Yahudi.

PENDAHULUAN

Bangsa Yahudi (atau dalam bahasa Arab al-Yahūd) ialah umat nabi Allah Musa a.s. Mereka adalah keturunan nabi Allah Ya'qūb bin Ishak bin Ibrahim alaihimussalam. Dalam al-Qur'an Allah s.w.t. menamakan mereka Bani Israil, ya'ni anak cucu Israil, seperti firman Allah

لَيْسَ إِسْرَائِيلُ اذْكُرُوا نَعْمَتِ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّي فَضْلَتُكُمْ عَلَى
الْعَالَمِينَ.

Maksudnya:

Wahai Bani Isra'il, ingatlah akan nikmatku yang telah Aku anugerahkan kepada kamu dan (ingatlah juga) bahwasanya Aku telah melebihkan kamu atas segala bangsa (yang ada di zaman nenek moyang mereka, iaitu zaman Nabi Allah Musa a.s.. (Al-Qur'an, 2:47)

Isra'il yang dimaksudkan dalam ayat itu ialah Nabi Allah Ya'qub bin Ishak bin Ibrahim a.s. Kalimah *Isrā'il* berasal daripada bahasa Hebrew, gabungan daripada kalimah *isra* dengan makna hamba atau pilihan, dan kalimah 'īl, dengan makna Allah. Jadi, makna kalimah *Isrā'il* ialah, hamba Allah, atau pilihan Allah.

Mereka dinamakan Yahudi (al-Yahud) dinisbahkan kepada salah seorang anak Nabi Allah Ya'qub a.s. yang bernama Yahudha kerana kerajaan Bani Israil dikuasai oleh keturunannya (anak cucunya). Huruf

dhal dalam nama Yahudha itu ditukar menjadi dal kerana kebiasaan orang Arab apabila meminjam sesuatu kalimah dari bahasa asing (^cajam) mereka akan mengubah setengah hurufnya (Muhammad Sayyid Tantawi 1987: 87).

Orang-orang Yahudi adalah satu rumpun bangsa dari satu keturunan sahaja iaitu keturunan Isra'il tidak bercampur dengan bangsa dan keturunan lain, tetapi menurut hakikat sebenarnya orang Yahudi yang ada pada hari ini telah bercampur aduk dengan bangsa-bangsa lain, bukan lagi sebagai Bani Isra'il yang tulin.

Orang Yahudi hari ini ialah mereka yang menganut atau berpegang dengan syari'at Nabi Musa a.s. yang sudah dipinda dan diubah. Orang Yahudi kini dinamakan Yahudi semata-mata kerana menganut agama tersebut, walaupun ada di antara mereka bukan dari keturunan Bani Isra'il.

Kitab Perjanjian lama yang menjadi pegangan orang-orang Yahudi ada menyebut tentang kemasukan bangsa ^cArab, Rum dan Parsi ke dalam agama Yahudi, seperti yang terdapat dalam sifir istir, *Ishah 8*, bilangan 17:

Dan banyak dari bangsa-bangsa dunia telah menjadi Yahudi, kerana takut kepada orang-orang Yahudi.

Walaupun orang-orang Yahudi kini merupakan bangsa campuran dari berbagai bangsa dan keturunan, namun tabiat dan sikap mereka semua adalah sama, mereka semuanya telah mendapat pendidikan dan pelajaran dari pendidik-pendidik yang sama, iaitu tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin Yahudi.

KEHIDUPAN BERMASYARAKAT ORANG-ORANG YAHUDI

Bangsa Yahudi terbahagi kepada beberapa kumpulan yang dinamakan *al-asbāt*, sepetimana orang-orang ^cArab terbahagi kepada kabilah-kabilah (Qabā'il). Dalam hal ini Allah berfirman:

وَقَطَعْنَاهُمْ اثْنَيْ عَشَرَ أَسْبَاطًا أَمِّا.

Maksudnya:

Dan Kami bahagikan mereka menjadi dua belas suku yang masing-masingnya berjumlah besar. (Al-Qur'an, 7:160)

Menurut al-Qurtubi, perkataan *al-asbāt* bermakna silih berganti. Mereka dinamakan demikian kerana kelahiran mereka silih berganti dari satu generasi ke satu generasi (al-Qurtubi 1967, 2: 141).

Anak-anak Nabi Allah Ya^cqub a.s. (nenek moyang orang-orang Yahudi) telah berhijrah ke Mesir dengan jemputan daripada saudara mereka Nabi Allah Yusuf a.s. setelah kemarau besar menimpa daerah mereka iaitu Kan^cān di negara Syam. Nabi Allah Yusuf a.s. menjemput mereka, walaupun sebelumnya mereka telah membuat pakatan jahat membuangnya ke dalam perigi yang dalam, atas dasar dengki, kerana bapa mereka, Nabi Allah Ya^cqub a.s. lebih sayang kepadanya. Nabi Yusuf a.s. di waktu mejemput saudara-saudaranya adalah pengarah perbendaharaan negara Mesir. Di Mesir mereka hidup membniak dan membentuk satu bangsa yang tersendiri, tidak bergaul dengan bangsa lain dan tidak mahu berkombinasi dengan bangsa Mesir. Mereka memencilkan diri dan berjanji sesama mereka agar setiap kumpulan ada tanda-tanda khusus yang berbeza dari kumpulan-kumpulan lain, untuk memelihara keturunan mereka untuk dibanggakan, dan untuk meninggikan diri ke atas bangsa-bangsa lain, dengan anggapan mereka adalah keturunan Nabi-nabi (Abdul Karim al-Khātib, t.t., 11).

Begitulah tabi'at sosial orang-orang Yahudi di sepanjang sejarah, kerana kitab Taurat yang mereka pinda ada menyebut bahawa Bani Isra'il adalah bangsa yang terpilih. Oleh itu mereka tidak harus bergaul mesra dengan bangsa lain, lebih dari itu mereka (dan juga orang-orang Kristian) mendakwa mereka adalah anak Allah dan kekasih Allah seperti yang diceritakan oleh al-Qur'an:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَىٰ نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحْبَاءُهُ

Maksudnya:

Orang-orang Yahudi dan Nasrani mengatakan: Kami ini adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasihnya. (Al-Qur'an, 5:18)

Dakwaan ini selain daripada menyentuh kehormatan bangsa-bangsa lain, ia juga menggalakkan penganutnya memusuhi, memeras, dan menghina bangsa-bangsa lain, serta mengenepikan suruhan dan larangan Allah, berdasarkan kelebihan yang didakwa (Tabarah, t.t., 43).

Memang benar mereka pernah diberi kelebihan. Al-Qur'an sendiri ada menyebut tentang kelebihan yang diberikan kepada mereka, firman Allah:

لَيْسَ إِسْرَائِيلُ اذْكُرُوا نَعْمَتِي الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّي فَضَلَّتُكُمْ عَلَى الْعَالَمِينَ.

Maksudnya:

Wahai Bani Israil. Ingatlah akan nikmatku yang telah Aku anugerahkan kepada kamu, dan (ingatlah) bahwasanya Aku telah melebihkan kamu atas segala umat. (Al-Qur'an, 2:47)

Sungguhpun kelebihan itu diberikan kepada nenek moyang mereka yang berada pada zaman Nabi Musa a.s. berbanding dengan bangsa-bangsa dan umat-umat yang sezaman dengan mereka, tetapi ini bukan bererti kelebihan itu diberikan kepada seluruh bangsa Yahudi sepanjang zaman, kerana secara mutlaknya kelebihan telah dianugerahkan kepada umat Muhammad s.a.w Hal ini jelas daripada firman Allah:

كُنْتُمْ حِيَّا مَهْمَةً اَحْرَحْتَ لِلنَّاسِ، تَأْمُرُونَ مَا لَعْرُوفٍ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتَوَعَّمُونَ بِاللَّهِ، وَلَوْمَانٌ اَهْلُ الْكِتَابِ لَكُمْ خَيْرٌ لَهُمْ.

Maksudnya:

Kamu adalah umat yang terbaik, yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah, sekiranya Ahli Kitab beriman tentulah itu lebih baik bagi mereka (Al-Qur'an, 3:110)

Kelebihan diberikan kepada nenek moyang mereka yang tertindas, yang menghadapi kezaliman Fir'aun dan pengikut-pengikutnya, firman Allah s.w.t..

إِنَّ فَرْعَوْنَ عَلَى الْأَرْضِ، وَجَعَلَ أَهْلَهَا شَيْءًا بَسْتَضْعَفْ طَائِفَةً مِنْهُمْ يَذْبَحُ
أَبْنَاهُمْ وَيَسْتَحِي نِسَاءُهُمْ أَنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ، وَنَرِيدُ أَنْ نُنْهِيَّ عَنِ الدِّينِ
اسْتَضْعَفُوا فِي الْأَرْضِ وَنَجْعَلُهُمُ الْوَارِثِينَ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Firaun telah berbuat sewenang-wenangnya di muka bumi, dan menjadikan penduduknya berpecah belah, dengan menindas segolongan daripada mereka, menyembelih anak-anak lelaki mereka, dan membiarkan hidup anak-anak perempuan. Sesungguhnya Firaun termasuk orang-orang yang berbuat kerosakan. Dan Kami hendak memberi kurma kepada orang-orang yang tertindas di bumi Mesir itu dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin dan menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (bumi). (Al-Qur'an, 28:4-5)

Dua ayat di atas jelas menunjukkan bahawa nenek moyang mereka diberi kelebihan ke atas bangsa sezaman mereka yang zalim dan ganas iaitu Firaun dan pengikut-pengikutnya. Kelebihan ini bukan berdasarkan bangsa dan keturunan, kerana Allah memberi kelebihan kepada sesuatu kaum berdasarkan amalan mereka, seperti firmanNya:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. (Al-Qur'an, 49:13)

Rasulullah s.a.w juga bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ، أَلَا إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ وَإِنَّ أَنَا مُّكَمِّلٌ وَاحِدٌ، أَلَا لَا فَضْلٌ لِعَرَبِيٍ عَلَى عَحْمِيٍ وَلَا لِعَحْمِيٍ عَلَى عَرَبِيٍ وَلَا لِأَسْوَدٍ عَلَى أَحْمَرٍ إِلَّا بِالْتَّقْوَى.

Maksudnya:

Wahai manusia, ketahuilah bahwasanya Tuhan kamu adalah satu, dan bapa kamu juga satu (yakni Adam a.s.). Ketahuilah bahawa tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas bukan Arab, dan tidak juga kelebihan bukan Arab ke atas orang Arab, dan tidak ada kelebihan bagi yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam dan tidak juga yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah kecuali dengan bertaqwa. (Ahmad bin Hanbal, al-Imam 1969, 5: 411)

Berdasarkan ayat dan hadith di atas (dan banyak lagi ayat-ayat dan hadith-hadith lain) jelaslah bahawa tidak siapapun harus mendakwa bahawa dirinya mempunyai kelebihan dan kemuliaan jika tidak memiliki iman dan taqwa, kerana itu Allah s.w.t. menyangkal dakwaan orang Yahudi dan melaknat mereka, kerana sikap durhaka dan melampaui batas.

Firman Allah s.w.t..

لَعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِ إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ دَلِيلٌ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ.

Maksudnya:

Telah dilaknat orang-orang kafir daripada Bani Is'a'il dengan lisan Daud dan Isa putera Maryam, yang demikian itu disebabkan mereka durhaka dan selalu melampaui batas. (Al-Qur'an, 5:78)

Kalaularah kelebihan yang dikurniakan kepada Bani Israil itu didasarkan kepada keturunan, sudah tentu Allah tidak mengutuk mereka.

Setengah ulama berpendapat kelebihan bangsa Yahudi adalah kerana banyaknya nabi-nabi yang diutuskan di kalangan mereka, tetapi (secara tidak langsung) banyaknya nabi-nabi di kalangan mereka menunjukkan bahawa perangai mereka sangat jahat, sehingga memerlukan pembimbing-pembimbing yang banyak, dan tidak cukup dengan seorang pembimbing, setiap kali mati seorang nabi mereka kembali kepada kezaliman dan kesesatan, lalu Allah s.w.t. mengutuskan nabi yang lain (Tabārah, t.t, 43).

SIFAT BAKHIL DAN DENGKI BANGSA YAHUDI

Sifat bakhil, tamak dan dengki (hasad) telah menjadi darah daging bangsa Yahudi di sepanjang sejarah mereka, kerana itu al-Qur'an telah merakamkan sifat ini kepada mereka, firman Allah s.w.t..

أُمٌّ لَهُمْ نُصِيبُ مِنَ الْمُلْكِ فَإِذَا لَا يُوعِظُونَ النَّاسُ عَلَىٰ
مَا أَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ .. الْآيَةُ.

Maksudnya:

Ataukah ada bagi mereka bahagian daripada kerajaan, sekiranya ada, mereka tidak akan memberikan sedikitpun (kebajikan) kepada manusia. Ataukah mereka dengki kepada manusia (Muhammad) lantaran kurnia yang telah Allah berikan kepadanya. (Al-Qur'an, 4:53-54)

Maksud kurnia yang Allah s.w.t. berikan kepada Muhammad s.a.w ialah kenabian dan al-Qur'an. Perkara kenabian dan al-Qur'an pun menjadi sasaran hasad dengki bangsa Yahudi, apalagi kalau mata benda dan sebagainya, seperti yang diisyaratkan oleh ayat sebelumnya. Jika mereka mempunyai kerajaan mereka tidak akan memberi sedikitpun kebaikan kepada manusia. Mereka tidak merasa senang melihat orang lain mendapat nikmat, masakan mereka rela menyampaikannya sendiri.

Bangsa Yahudi juga sangat tamakkan kepada harta, mereka akan berusaha mendapatkan harta dengan berbagai cara, sama ada secara sah atau tidak sah. Keterlaluan mereka dalam mengumpul harta menjadikan mereka seolah-olah menyembah harta kerana itu Nabi Allah ^cIsa a.s. telah berkata kepada mereka:

Janganlah kamu menyembah dua tuhan, Allah dan harta (^cAfif Abdul Fattah Tabarah).

Oleh kerana itu pada zaman Nabi Allah Musa a.s. sewaktu Nabi Musa a.s. meninggalkan mereka selama empat puluh hari untuk bermunajat di Bukit Tursina, mereka telah menempa patung anak lembu daripada emas, kemudian mereka menyembahnya, kerana emas adalah barang yang paling berharga pada mereka, sehingga mereka tidak menghiraukan nasihat Nabi Musa a.s. sebagai pengantinya semasa ketiadaannya.

Itulah gambaran betapa bangsa Yahudi mengagongkan harta, dan sifat ini tidak akan terpisah dari mereka hingga qiamat, kerana sifat ini didorong oleh aqidah yang meletakkan mereka sebagai bangsa yang terpilih yang wajib (mesti) menguasai dunia, dan untuk mencapai objektif itu wasilah pertamanya ialah harta (Wahab Muhammad Saleh 1979: 12).

Untuk mengumpul harta, mereka telah mengutamakan sistem riba', tetapi sistem ini mereka laksanakan hanya terhadap orang-orang bukan Yahudi sahaja. Bagi orang-orang Yahudi sendiri riba adalah diharamkan, kerana pada anggapan mereka Yahudi bangsa terhormat, sedangkan bukan Yahudi bangsa yang hina, harus diperlakukan apa saja.

Orang-orang Yahudi suka membuat kerosakan/keganasan dan menyombong diri. Allah s.w.t. berfirman:

وَقَضَيْنَا إِلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ فِي الْكِتَابِ لِتَفْسِدُنَّ فِي الْأَرْضِ مَرْتَينَ وَلَعْنَانِ عَلَوْا
كَبِيرًا.

Maksudnya:

Dan telah Kami tetapkan terhadap Banu Israil dalam Kitab itu: Sesungguhnya kamu akan membuat kerosakan di muka bumi ini dua kali, dan pasti kamu akan menyembunyikan diri dengan kesombongan yang besar. (al-Qur'an, 17:4)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa di antara sifat-sifat yang menjadi darah daging orang Yahudi ialah suka membuat kerosakan dan menyombong diri.

Walaupun dalam ayat di atas menyebut mereka membuat kerosakan dua kali, tetapi pada hakikatnya kerosakan yang dilakukan oleh bangsa Yahudi di sepanjang sejarah mereka terlalu banyak, dari sekecil-kecilnya hingga kepada yang sebesar-besarnya, termasuk membunuh nabi-nabi, seperti Nabi Allah Zakaria a.s. dan anaknya Nabi Allah Yahya a.s., dan percubaan membunuh Nabi Allah ^cIsa a.s. (Wahab Muhammad Saleh 1979: 12).

Firman Allah s.w.t.

فِيمَا نَقْضُهُمْ مِثْقَلُهُمْ وَكُفَّرُهُمْ بِآيَاتِ اللَّهِ وَقَتْلُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ بِغَيْرِ حَقٍّ وَقُولُهُمْ
قُلُوبُنَا غَلَفَ بِلْ طَبَعَ اللَّهُ عَلَيْهَا بِكُفَّرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا، وَبِكُفَّرِهِمْ
وَقُولُهُمْ عَلَى مَرِيمَ بَهْتَانًا عَظِيمًا، وَقُولُهُمْ إِنَّا قَتَلْنَا الْمَسِيحَ عِيسَى ابْنَ مَرِيمَ
رَسُولَ اللَّهِ ... الْآيَةَ.

Maksudnya:

Maka (Kami kenakan terhadap mereka beberapa tindakan) disebabkan mereka melanggar perjanjian, dan kerana kekafiran mereka terhadap ayat-ayat Allah, dan mereka membunuh nabi-nabi tanpa (alasan) yang benar, dan mengatakan hati kami tertutup, bahkan sebenarnya Allah telah mengunci mata hati mereka kerana kekafiran mereka, kerana itu mereka tidak beriman, kecuali sebahagian kecil daripada mereka. Dan kerana kekafiran mereka (terhadap ^cIsa) dan tuduhan mereka terhadap Maryam dengan kedustaan besar (zina) dan kerana ucapan mereka: "Sesungguhnya Kami telah membunuh al-Masih, ^cIsa putra Maryam, Rasul Allah" (al-Qur'an, 155-157)

Dalam ayat-ayat di atas Allah s.w.t. merakamkan beberapa keganasan dan kesalahan mereka iaitu:

1. Mereka melanggar perjanjian.
2. Mereka kufur dan ingkar terhadap ayat-ayat Allah, iaitu mu‘jizat dan tanda-tanda yang mereka saksikan sendiri daripada nabi-nabi a.s.
3. Mereka membunuh nabi-nabi sewenang-wenangnya.
4. Ucapan mereka “hati kami tertutup” ertiinya, dakwah nabi-nabi tidak masuk kerana hati mereka ditutup.
5. Mereka kufur dan menuduh saidatuna Maryam berzina, kerana melahirkan anak (Nabi ‘Isa a.s.) tanpa bersuami.
6. Mereka kufur dan mendakwa membunuh nabi ‘Isa a.s. disamping itu mereka persendakan pula dengan berkata ‘Isa Rasulullah, sedangkan mereka tidak mengakui yang ‘Isa itu Rasulullah, hal ini sama seperti ucapan musyrikin Quraish kepada Rasulullah s.a.w seperti yang dirakamkan oleh al-Qur'an:

وقالوا يأيهاالذى نزل عليه الذكر انك لمحنون.

Maksudnya:

Mereka berkata: “Wahai orang yang diturunkan al-Qur'an kepadanya, sesungguhnya kamu benar-benar orang yang gila” (Al-Qur'an, 15:6)

Selain daripada ayat di atas banyak lagi ayat-ayat yang membongkar kegiatan-kegiatan jahat dan ganas orang-orang Yahudi.

Walau bagaimanapun di antara jumlah kerosakan yang banyak dilakukan oleh bangsa Yahudi itu, al-Qur'an hanya menyebut dua kali, dan ini bererti kerosakan/keganasan yang dilakukan dalam dua kali itu adalah kerosakan yang sangat besar, yang jika dibandingkan kerosakan-kerosakan lain yang banyak dengan dua kerosakan di atas, seolah-olah kerosakan-kerosakan lain itu tidak ada.

Tentang dua keganasan yang dimaksudkan oleh firman Allah itu, ada beberapa pendapat ulama, tulisan yang ringkas ini tidak dapat memuatnya (Wahab Muhammad Saleh 1979: 12-15).

SIKAP BANGSA YAHUDI TERHADAP BANGSA-BANGSA LAIN

Kitab Talmud (iaitu kitab yang mengandungi syariat dan ajaran-ajaran Yahudi) telah menyebut, bahawa seorang Yahudi di sisi Allah dianggap lebih baik dan lebih dikasihi daripada Malaikat, dan seorang Yahudi itu adalah sebahagian daripada Allah, kerana itu apabila seorang bukan Yahudi memukul Yahudi maka seolah-olah dia memukul keagongan

Ilahi. Perbezaan antara martabat manusia dan haiwan adalah seperti perbezaan antara Yahudi dan bukan Yahudi, hinggakan harus bagi Yahudi memberi makan anjing pada hari-hari perayaan, sedangkan memberi makan kepada manusia bukan Yahudi adalah diharamkan (Shalabi, t.t., 257).

Bangsa Yahudi menganggap bangsa-bangsa bukan Yahudi sebagai musuh mereka. Oleh itu Talmud melarang orang-orang Yahudi mengasihani musuh mereka, dan mereka mestilah menipu bangsa lain. Mereka juga dilarang memberi penghormatan kepada orang lain selama tidak ditakuti perkara yang tidak diingini berlaku pada mereka (Shalabi, t.t., 257).

Orang-orang Yahudi juga dianggap pemilik kepada apa saja yang ada di atas muka bumi, sebagai mewakili Allah s.w.t., kerana itu ulama' Talmud mentafsirkan pesanan Nabi Musa a.s.. "Jangan kamu mencuri harta kaum kerabat", mereka berkata: "harus mencuri harta orang asing"

Yang dimaksudkan dengan kaum kerabat ialah orang Yahudi, manakala orang asing ialah bukan Yahudi. Oleh itu merampas harta orang asing tidak menyalahi pesanan Nabi Musa a.s., malah perbuatan mencuri yang dilakukan oleh orang Yahudi terhadap bukan Yahudi adalah dianggap mengembalikan harta Yahudi daripada perampasnya, dan kerana itu tidak harus memulangkan harta bukan Yahudi yang hilang. Tersebut dalam Talmud: "Allah tidak mengampuni dosa Yahudi yang memulangkan harta bukan Yahudi yang hilang" (Shalabi t.t., 252).

Menyelamatkan (nyawa) orang bukan Yahudi juga tidak ada kehormatan di sisi bangsa Yahudi, kerana Talmud telah menjelaskan: Diharamkan ke atas Yahudi menyelamatkan bukan Yahudi daripada bahaya kebinasaan atau mengeluarkannya daripada lubang yang dia terjatuh ke dalamnya, malah apabila Yahudi melihat bukan Yahudi terjatuh ke dalam lubang, hendaklah ditimbas lubang itu dengan batu (Sahalabi, t.t. 254).

Allah s.w.t. telah membongkar sifat dan sikap Yahudi terhadap kepunyaan dan nyawa bukan Yahudi dalam firmanya:

وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمُنَهُ بِقَنْطَارٍ يُوَعَّدُهُ إِلَيْكُ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمُنَهُ
بِدِينَارٍ لَا يُوَعَّدُهُ إِلَيْكُ إِلَّا مَادِمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا، ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا
فِي الْأَمْمَيْنِ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذْبُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ.

Maksudnya:

Diantara ahli kitab ada orang yang jika kamu amanahkan kepadanya harta yang banyak, dikembalikannya kepada kamu, dan di antara mereka ada orang yang jika kamu amanahkan kepadanya satu dinar, tidak dikembalikannya kepada kamu, kecuali jika kamu selalu menagihnya, yang demikian itu lantaran mereka mengatakan: "Tidak ada dosa bagi kami terhadap orang-orang ummi (orang-

orang Arab). Mereka berkata dusta terhadap Allah, padahal mereka mengetahuinya” (Al-Qur'an, 3:75)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa orang-orang Yahudi mempunyai satu pegangan iaitu, mereka tidak akan bersalah dan bebas untuk melakukan apa saja terhadap orang-orang ummi, walaupun ma'na asal orang-orang *ummi* itu ialah orang-orang ^cArab, tetapi yang dimaksudkan ialah semua bangsa selain Yahudi (Syed Qutb, 1985, 1:417). Oleh itu mereka boleh buat apa saja yang mereka suka terhadap bukan Yahudi, sama ada menipu, membunuh, menghalau dari kampung halaman dan sebagainya.

Sikap Yahudi ini telah menjadi darah daging mereka yang tidak pernah lekang hingga ke hari ini. Hal ini jelas daripada tindak tanduk dan perlakuan mereka dalam arena antarabangsa. Mereka mengambil tindakan ganas terhadap musuh mereka, seperti tindakan mereka terhadap bangsa ^cArab di Palestin dan Lubnan. Mereka juga tidak menghormati sebarang perjanjian kecuali mereka khuatir kemudaratannya.

SIKAP YAHUDI TERHADAP RASULULLAH S.A.W

Al-Qur'an telah menjelaskan bahawa orang-orang Yahudi telah mengetahui dan mengenali Rasulullah s.a.w dengan pengetahuan yang yakin, kerana kitab Taurat mereka telah menyebut sifat-sifatnya, yaitu sifat nabi yang ummi, firman Allah:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأَمِيِّ الَّذِي يَحْدُوْنَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التُّورَاةِ
وَالْإِنْجِيلِ.

Maksudnya:

Orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang mereka dapat ter tulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. (Al-Qur'an, 7:157)

Firman Allah lagi:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَ كَمَا يَعْرِفُونَ أَنْوَاعَهُمْ.

Maksudnya:

Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah Kami beri kitab (Taurat dan Injil) mengenal Muhammad seperti mereka mengenal anak mereka sendiri. (Al-Qur'an, 2:146)

Saidina ^cUmar r.a. pernah bertanya kepada Abdullah bin Salam r.a. (iaitu seorang Sahabat yang berasal dari bangsa Yahudi, malah seorang

ulama Yahudi sebelum Islamnya, beliau telah memeluk Islam sebaik sahaja Rasulullah s.a.w tiba di Madinah). Tanya Sa'dina 'Umar r.a.. “Apakah engkau mengenal Muhammad s.a.w seperti engkau mengenal anak kandung kamu sendiri?”

Abdullah bin Salam r.a. menjawab: Memang benar, malah lebih dari itu, kerana Allah s.w.t. telah mengutus pemegang amanahnya di langit, kepada pemegang amanahnya di bumi dengan sifat-sifatnya, lalu segera aku kenal, sedangkan anakkku tidak aku ketahui apa yang dilakukan oleh ibunya (al-Qurtubi 1967, 2: 163).

Orang-orang Yahudi juga (sebelum kebangkitan Rasulullah s.a.w) sentiasa memohon kedatangan nabi yang mereka dapat tertulis dalam kitab mereka untuk mengalahkan orang-orang kafir, firman Allah:

وَلَا حَمِّلْهُمْ كِتَابًا مِّنْ قَبْلِ مَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلِ يَسْتَعْتَجُونَ
عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا حَانَهُمْ مَا عُرِفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ.

Maksudnya:

Dan setelah datang kepada mereka al-Qur'an dari Allah yang membenarkan apa yang ada pada mereka, padahal sebelumnya mereka sentiasa memohon (kedatangan Nabi) untuk mendapat kemenangan ke atas orang-orang kafir, maka setelah datang kepada mereka apa yang mereka ketahui, mereka terus ingkar kepadanya, maka la'nat Allahlah ke atas orang-orang yang ingkar itu. (Al-Qur'an, 2:89)

Walaupun orang-orang Yahudi mengetahui dengan yakin tentang kebangkitan Rasulullah s.a.w., namun apabila Rasulullah dibangkitkan mereka terus ingkar, dan menafikan pengetahuan mereka, kerana hasad dan dengki, dan ini diakui oleh salah seorang ulama mereka (Abdullah bin Suria) yang berkata: Demi Allah wahai Abu al-Qāsim. Sesungguhnya mereka mengetahui bahawa engkau adalah nabi yang diutuskan, tetapi mereka hasad terhadapmu (Ibn Hisham 1375H, 1:565).

TINDAKAN YAHUDI MENYAKITI RASULULLAH S.A.W

Orang-orang Yahudi di Madinah adalah golongan yang berusaha keras menyakiti Rasulullah s.a.w. Mereka menggunakan apa sahaja kesempatan yang didapati, tetapi mereka tidak mampu mengganggu dan menyakiti Rasulullah s.a.w secara gangguan jasmani, seperti yang dilakukan oleh kafir Quraisy di Mekah, kerana di Madinah kekuatan muslimin tidak sanggup dicabar. Rasulullah s.a.w pula sentiasa dikelilingi oleh para Sahabat untuk mendengar al-Qur'an yang diturunkan dan mempelajari hukum hakam disamping untuk mengawasi junjungan daripada apa sahaja yang tidak diingini. Dengan itu orang-

orang Yahudi tidak dapat mengganggu gugat fizikal Rasulullah yang mulia itu, kecuali cubaan-cubaan yang tidak berjaya, seperti cubaan mereka menjatuhkan batu pengisar gandum ke atas kepala Rasulullah s.a.w dengan tujuan untuk membunuhnya (al-Wāhidi 1968: 110). Oleh kerana itu mereka mencari jalan lain untuk menyakitinya dengan kata-kata yang bidadab dan maki hamun.

Diantara pemimpin Yahudi yang dikenali menyakiti Rasulullah s.a.w dan mendorong orang lain untuk berbuat demikian, ialah Ka‘ab bin al-Asyraf, Abu ‘Afk, dan Abu Rāfi‘.

Mereka bertiga akhirnya dibunuh oleh sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w disebabkan sikap mereka menyakiti Junjungan Rasulullah s.a.w (Ibn Hisham 1375H/1955, 1:564-565).

Pengakuan Ibn Suria di atas dikuatkan oleh Firman Allah:

أَمْ يَحْسُدُونَ النَّاسَ عَلَىٰ مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ.

Maksudnya:

Ataukah mereka dengki kepada manusia (Muhammad) lantaran kurnia yang Allah berikan kepadanya. (Al-Qur'an, 4:54)

Maksud kurnia yang Allah berikan di sini ialah kenabian, al-Qur'an dan kemenangan. Mengikut Ibn Kathir, kedengkian mereka terhadap Rasulullah s.a.w adalah disebabkan Rasulullah daripada kalangan bangsa Arab, bukan dari kalangan Bani Isra'il (Ibn. Kathir, t.t., 2: 295).

Sifat hasad dengki dan penolakan mereka ke atas kerasulan Muhammad s.a.w ini tidak memerlukan kita setelah kita ketahui sifat-sifat peribadi mereka yang menganggap mereka lah orang yang terpilih dan terbaik, kerana itu mereka tidak dapat menerima hakikat adanya orang lain yang diberi kelebihan selain mereka.

Orang-orang Yahudi mencela Rasulullah s.a.w dengan cara tauriah (menggunakan perkataan yang mempunyai dua pengertian). Salah satu pengertian itu segera difahami dan satu lagi jarang digunakan.

Lantaran mereka tidak berani mengganggu Rasulullah s.a.w secara terang-terangan dan kebetulan pula mereka mendapat sahabat-sahabat bercakap kepada Rasulullah s.a.w dengan menggunakan perkataan *rā‘īma*, mereka mendapat satu kesempatan yang baik untuk mempersendakan Rasulullah dengan menggunakan perkataan itu terhadapnya.

Perkataan '*rā‘īma*' dalam bahasa Arab bererti tunggulah kami. Maksud mereka tunggulah kami, iaitu meminta Rasulullah jangan percepatkan di waktu menyampaikan wahyu dan ilmu, supaya mereka dapat faham dan ingat apa yang disampaikan. Manakala dalam bahasa mereka (Yahudi), perkataan itu adalah kalimah makian. Dengan itu apabila mereka berjumpa dengan Rasulullah s.a.w mereka berkata

“rā‘ina” kemudian mereka ketawa. Lalu seorang Sahabat (Sa‘d bīn ‘Ubbadah) yang memahami bahasa mereka menyedari maksud mereka, lantas beliau berkata:

Wahai musuh-musuh Allah, la‘nat Allah ke atas kamu, demikian Allah, sekiranya sekali lagi aku dengar perkataan ini daripada sesiapa antara kamu, akan aku penggal tengoknya.

Mereka menjawab:

bukankah kamu juga mengucapkannya (al-Wāhidi 1968: 10).

Dengan itu turunlah firman Allah:

يأيها الذين آمنوا لا تقولوا راعنا وقولوا انظروا واسمعوا وللكافرين عذاب أليم.

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu katakan (kepada Rasul): “rā‘inā” tetapi katakanlah “unzurnā” dan dengarlah. Dan bagi orang-orang kafir siksaan yang pedih. (Al-Qur'an, 2:104)

Kalimah “ra‘inā” dan “unzurnā” dalam bahasa Arab membawa pengertian yang sama, iaitu, tunggulah.

USAHA YAHUDI UNTUK MEMECAHBELAHKAN MASYARAKAT ISLAM

Orang-orang Yahudi amat tidak senang melihat persefahaman dan sikap toleransi di kalangan muslimin pada bila-bila masa pun. Ini jelas dari pada firman Allah s.w.t..

ولن ترضي عنك اليهود ولا النصارى حتى تتبع ملتهم

Maksudnya:

Orang-orang Yahudi dan Nasarā tidak akan senang hati terhadap mu, sehingga engkau mengikuti agama mereka. (Al-Qur'an, 2:120)

Perkara ini berlaku kerana mereka telah menetapkan satu dasar yang menjadikan diri mereka musuh paling ketat terhadap orang-orang beriman, firman Allah:

لَعْنَهُمْ أَسْدُ النَّاسِ عَدَاوَةٌ لِلَّذِي آتَمُوا إِلَيْهِ الْيَهُودُ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا

Maksudnya:

Sesungguhnya engkau akan dapati orang yang paling keras permusuhan mereka terhadap orang-orang beriman ialah orang Yahudi dan orang-orang musyrik. (Al-Qur'an, 5: 82)

Atas dasar permusuhan inilah mereka menyimpan rasa tidak senang hati melihat keharmonian yang wujud dalam masyarakat muslimin, lantas mereka berusaha mencari jalan untuk memporak perandakan masyarakat Islam.

Contohnya, pada zaman Rasulullah s.a.w., seorang Yahudi bernama Syās bin Qais, telah melihat sekumpulan orang-orang beriman daripada golongan (suku) Aus dan Khazraj dalam satu majlis. Sebelum Islam dua golongan ini telah bermusuhan selama dua ratus tahun, tetapi di bawah naungan Islam mereka telah berbaik-baik seolah-olah tidak pernah berlaku permusuhan. Keadaan ini telah menimbulkan rasa benci dan dendam dalam diri Syas bin Qais, lalu dia berkata dalam hati:

Pemuka-pemuka Bani Qilah (Aus dan Khazraj) telah bersatu di negeri ini (Madinah), kedudukan kami (orang-orang Yahudi) tidak akan stabil dengan bersatunya pemuka-pemuka mereka.

Lalu disuruhnya seorang pemuda Yahudi yang berada bersama-sama mereka mencari peluang mengingatkan mereka peristiwa hari *Bu'ath*, iaitu hari pertempuran mereka yang paling sengit di mana golongan Aus telah mengalahkan golongan Khazraj. Setelah pemuda itu bercakap menyebut-nyebut hari itu, mereka lupa keislaman mereka, dan peristiwa hari itu kembali segar dalam ingatan, lalu berlakulah perbalahan, pertengkar dan saling cabar mencabar, malah di antara mereka berkata; Kalau mahu, kita boleh ulangi sejarah itu.

Peristiwa ini telah sampai ke pengetahuan Rasulullah s.a.w., lantas Rasulullah s.a.w datang bersama-sama beberapa orang sahabat, dan mengingatkan mereka tentang kesatuan yang mereka capai/nikmati melalui Islam, di mana Islam telah menjadikan mereka bersaudara dan berkasih sayang. Rasulullah terus mengingatkan mereka tentang perkara itu sehingga mereka menangis dan berpelukan, serta beristighfar kepada Allah (Haikal, t.t., 235).

KESIMPULAN

Begitulah sikap bangsa Yahudi sepanjang sejarah mereka. Semoga kita dapat mengambil pengajaran dan peringatan dan tidak mudah terpedaya

dengan tipu helah mereka. Bangsa Yahudi tidak putus-putus berusaha mengancam musuh mereka, khususnya umat Islam yang dianggap sebagai musuh utama mereka seperti yang dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam surah al-Ma'ida, (5:82). Mereka akan terus berusaha dan tidak pernah berputus asa, untuk itu mereka telah membuat perancangan yang rapi dan tersusun di mana mereka telah mengadakan satu kongres di Russia pada tahun 1845 dan merangka satu strategi untuk menguasai dan menundukkan dunia kepada mereka, strategi-strategi ini telah dicatatkan dalam sebuah buku yang diberi nama *Protokol Hukama Zionis*, di antara kandungan buku ini ialah:

Telah menjadi kebiasaan kita Hukama Isra'il berkumpul setiap seratus tahun, di jabatan agama untuk membincangkan tentang hasil pencapaian kita ke arah menguasai dunia, kuasa yang dijanjikan kepada kita oleh Yahuda. (Brutukul Hukama? Sahyun, t.t. 2)

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim.
- Abdul Karim Khatib, t.t., *al-Yahud Fi al-Qur'an*. Dar al-Shuruq.
- Ibn Hisham, Abdul Malik bin Hisham. 1375H. *al-Sirat al-Nabawiyyah*. Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa auladuh.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar bin Kathir. t.t. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Matba'ah Dar al-Sha'b.
- Al-Kitab Al-Muqaddas.
- Muhammad Husain Haikal, Dr. t.t. *Hayat Muhammad*. Maktabah Nahdah.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahamad al-Ansari. 1387H. *Al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*. Dar al-Katib al-'Arabi.
- Sayyid Qutb. 1405H. *Fi Zilal al-Qur'an*. Dar al-Shuruq.
- Shalabi, Ahmad Dr. t.t. *Mugaranat al-Adyan (al-Yahud)* Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Tabarah, 'Afif Abdul Fattah. t.t. *al-Yahud fi al-Qur'an*. Matba'ah Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Tantawi, Muhammad Sayyid Dr. 1470H. *Banu Isra'il fi al-Qur'an wa al-Sunnah*. al-Zahra' li al-Islam al-'Arabi.
- Wahab Muhammad Saleh. 1979. *Mauqif Ahl al-Kitab Min al-Rasul Wa al-Qur'an al-Karim*, tesis M.A..
- Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor.

